

KI NITE 2012/2013

Artikel oleh: Tan Wei Hsiang



Majlis Makan Malam Program Kimia Industri (*KI Night's Dinner 2012*) telah diadakan pada 2 Disember 2012 bertempat di Shangri La Hotel, Tanjung Aru. '*Glamorous Blossom*' menjadi tema majlis makan malam kali ini. Perasmian majlis dimulakan dengan perasmian oleh Ketua Program Dr. Moh Pak Yan dan Prof. Madya Dr. Noumie Surugau. Suasana majlis makan malam ini telah dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti yang

dipersembahkan oleh para pelajar tahun 1, 2 dan 3 seperti cabutan bertuah, tarian *hip hop*, tarian tradisional Melayu dan India, pertandingan *Prom King* dan *Prom Queen* serta tayangan video kenangan aktiviti program Kimia Industri sepanjang tahun 2012. Majlis ini telah berjaya merapatkan lagi hubungan silaturahim di kalangan pensyarah dan para pelajar program Kimia Industri. Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai-ramai.